

1. Purata bagi $\frac{1}{4}$ jam, $\frac{1}{2}$ jam, $\frac{3}{4}$ jam dan 50 minit, dalam minit, ialah (1995)
- A 35
 B 45
 C 50
 D 70



Rajah 9

2. Rajah 9 ialah kalendar yang menunjukkan tarikh lahir Rashid. Tan dilahirkan 7 bulan 20 hari lebih awal daripada Rashid. Bilakah Tan menyambut ulang tahun kelahirannya yang kelima? (1995)
- A 19 Disember 1992
 B 19 Disember 1997
 C 9 September 1996
 D 9 September 1997

3. Sebuah mesin boleh menghasilkan 10 keping papan dalam masa 30 saat. Berapa kepingkah papan yang dapat dihasilkan dalam masa 1 jam? (1995)
- A 300
 B 600
 C 1080
 D 1200

Mata pelajaran	Waktu	
	Dari	Hingga
Bahasa Melayu	8.55 pagi	10.05 pagi
Bahasa Inggeris	10.20 pagi	11.35 pagi
Sains	2.30 petang	3.15 petang
Matematik	8.20 malam	9.10 malam

Rajah 6

4. Rajah 6 menunjukkan jadual waktu belajar harian Shila pada masa cuti sekolah. Mata pelajaran yang paling lama dipelajari oleh Shila dalam sehari ialah (1996)
- A Bahasa Melayu
 B Bahasa Inggeris
 C Matematik
 D Sains


Kenderaan	Tempoh perjalanan
Van	3 jam 35 minit
Kereta	2 jam 50 minit

Jadual 2

5. Jadual 2 menunjukkan tempoh perjalanan dua buah kenderaan dari Kuala Lumpur ke Pagoh. Beza antara tempoh perjalanan van dan kereta itu ialah

(1996)

- A 15 minit
- B 45 minit
- C 1 jam 15 minit
- D 1 jam 45 minit




Rajah 7

6. Rajah 7 menunjukkan masa pengembaraan Zain dari X ke Y.

Jumlah masa pengembaraan itu ialah

(1997)

- A 2 jam 25 minit
- B 2 jam 35 minit
- C 3 jam 05 minit
- D 3 jam 35 minit



RAJAH 8

7. Rajah 8 menunjukkan jadual waktu belajar Ramli pada suatu petang. Ramli mula membuat latihan matematik pada pukul 2.00 petang. Selepas $\frac{1}{2}$ jam, dia berehat selama 15 minit, kemudian membuat karangan selama $\frac{1}{2}$ jam lagi. Antara berikut, yang manakah mewakili waktu Ramli membuat karangan?

(1997)

- A** J dan K
- B** L dan M
- C** M dan N
- D** N dan P

Waktu	Perkara
8.00 pagi – 10.00 pagi	Kerja
10.00 pagi – 10.30 pagi	Rehat
10.30 pagi – 12.30 tengah hari	Kerja
12.30 tengah hari – 2.00 petang	Rehat
2.00 petang – 5.00 petang	Kerja

JADUAL 3

8. Jadual 3 menunjukkan waktu dan perkara yang dilakukan oleh Amir pada suatu hari tertentu. Berapakah jumlah masa kerja, dalam jam, Amir?

(1998)

- A** 7
- B** 8
- C** 9
- D** 10

9. 50 minit selepas jam 2155 ialah

(1999)

- A 10.05 a.m.
- B 10.45 a.m.
- C 10.05 p.m.
- D 10.45 p.m.

Kerja	Masa
Memasak	10.00 a.m. – 11.15 a.m.
Membasuh	7.30 a.m. – 9.15 a.m.
Berkebun	4.20 p.m. – 6.20 p.m.

JADUAL 3


10. Jadual 3 menunjukkan masa yang diperuntukkan oleh Aminah untuk kerja-kerja tertentu. Berapa peratuskah masa yang diperuntukkan untuk berkebun berbanding jumlah masa bagi kesemua kerja tersebut?

(1999)

- A 2
- B 10
- C 20
- D 40

11. Sebuah bas mengambil masa 5 jam untuk perjalanan dari Seremban ke Ipoh. Bas itu bertolak dari Seremban pada jam 10.30 malam. Nyatakan waktu, dalam sistem 24 jam, bas itu tiba di Ipoh. (2000)

- A Jam 0330
- C Jam 0830
- B Jam 0530
- D Jam 1530



Rajah 13

12. Rajah 13 menunjukkan waktu mula dan tamat suatu rancangan di televisyen pada malam Ahad. Jika $\frac{1}{5}$ daripada tempoh rancangan itu ditayangkan iklan, berapakah masa, dalam minit, tayangan iklan itu? (2000)

- A 15
- B 23
- C 27
- D 30

13. Beza umur antara Abas dengan kakanya ialah 26 bulan. Hitungkan umur Abas jika umur kakaknya 14 tahun. (2001)

- A 11 tahun 2 bulan
- B 11 tahun 8 bulan
- C 11 tahun 10 tahun
- D 12 tahun 2 bulan

14. Sebuah bas mengambil masa 16 jam 30 minit untuk perjalanan dari Bandar J ke Bandar K. Jika bas itu bertolak dari J pada jam 9.50 p.m. hari Selasa, bilakah bas itu sampai di K? (2001)

- A 1.20 a.m. hari Rabu
- B 2.20 a.m. hari Rabu
- C 1.20 p.m. hari Rabu
- D 2.20 p.m. hari Rabu

15. $2\frac{1}{2}$ jam - $1\frac{3}{4}$ jam = (2002)

- A 15 minit
- B 30 minit
- C 45 minit
- D 75 minit

16.

Masa	Rancangan
0805 – 0845	Berita
0845 – 0945	Drama
0945 – 1030	Laporan sukan
1030 – 1200	Tayangan gambar

Jadual 1

Jadual 1 menunjukkan waktu penyiaran beberapa rancangan televisyen. Berapakah jumlah masa bagi rancangan drama dan tayangan gambar?

(2002)

- A 1 jam 25 minit
- B 1 jam 30 minit
- C 2 jam 30 minit
- D 2 jam 55 minit

17.

Aida bertolak dari rumah ke sekolah pada pukul 8.35 pagi untuk menyertai satu pertandingan. Perjalanan itu mengambil masa $\frac{1}{2}$ jam. Apabila Aida sampai, pertandingan itu telah pun berlansung selama 20 minit. Jika tempoh masa pertandingan itu ialah $2\frac{1}{4}$ jam, nyatakan waktu tamat pertandingan itu.

(2002)

- A 11.00 pagi
- B 11.20 pagi
- C 11.30 pagi
- D 11.35 pagi

18.

Umur Rosnah ialah 11 tahun 6 bulan. Kalsom 2 tahun lebih muda daripada Rosnah, manakala Zaharah 3 bulan lebih muda daripada Kalsom. Berapakah purata umur mereka?

(2002)

- A 8 tahun 2 bulan
- B 10 tahun 1 bulan
- C 10 tahun 9 bulan
- D 12 tahun 9 bulan


19.

$\frac{1}{4}$ daripada 18 tahun ialah

(2003)

- A 4 tahun 6 bulan
- B 4 tahun 5 bulan
- C 4 tahun 3 bulan
- D 4 tahun 2 bulan

20. Umur Liza 12 tahun. Umur Lili 10 tahun 8 bulan. Berapakah umur Lela jika purata umur mereka bertiga ialah 11 tahun 10 bulan? (2003)
- A 10 tahun 10 bulan
 B 11 tahun 4 bulan
 C 12 tahun 10 bulan
 D 13 tahun 4 bulan
21. Sebuah bas bertolak dari Kuala Lumpur menuju ke Kota Bharu pada pukul 9.20 p.m. Perjalanan itu biasanya mengambil masa $10\frac{3}{4}$ jam tetapi bas itu tiba di Kota Bharu 10 minit lebih awal pada hari berikutnya. Waktu bas itu tiba di Kota Bharu ialah (2003)
- A 7.30 a.m.
 B 7.55 a.m.
 C 8.05 a.m.
 D 8.15 a.m.
22. Rajah 1 menunjukkan waktu mula dan waktu tamat ujian pada suatu pagi.



Rajah 1

- Cikgu Tini menganggarkan Zainal menyiapkan ujian itu dalam masa 80% daripada tempoh yang ditetapkan. Zainal menyiapkan ujian itu dalam masa 55 minit. Berbanding dengan tempoh yang diambil oleh Zainal, anggaran Cikgu Tini adalah (2003)

- A lebih 5 minit
 B lebih 20 minit
 C kurang 25 minit
 D kurang 15 minit

23. Antara berikut, yang manakah menunjukkan sistem 12 jam dan sistem 24 jam yang sepadan? (2004)

Sistem 12 jam	Sistem 24 jam
----------------------	----------------------

- | | | |
|-----------|-----------|----------|
| A. | 1.15 p.m. | Jam 1315 |
| B. | 9.00 a.m. | Jam 2100 |
| C. | 3.40 a.m. | Jam 1540 |
| D. | 6.30 p.m. | Jam 0630 |

24. + $2\frac{3}{4}$ jam = $3\frac{1}{2}$ jam

Apakah yang mesti ditulis dalam di atas? (2004)

- A** 15 minit
- B** 30minit
- C** 45 minit
- D** 60 minit

25. Umur Azlan ialah $7\frac{1}{2}$ tahun. Umur Anita ialah 5 tahun 9 bulan. Umur Amran ialah 1 tahun 2 bulan lebih muda daripada Anita. Hitungkan jumlah umur tiga kanak-kanak itu. (2004)

- A** 14 tahun 4 bulan
- B** 14 tahun 5 bulan
- C** 17 tahun 9 bulan
- D** 17 tahun10 bulan

26. Jadual 1 menunjukkan jadual waktu perjalanan kereta api. Waktu bertolak bagi kereta api Siantan pada 20 Jun 2004 tidak ditunjukkan.

Kereta Api	Waktu Bertolak	Waktu Tiba
Purnama	7.00 p.m. (20 Jun 2004)	7.00 p.m. (21 Jun 2004)
Siantan	(20 Jun 2004)	11.00 p.m. (20 Jun 2004)


Jadual 1

Kedua-dua kereta api itu mengambil masa yang sama untuk perjalanan tersebut. Pukul berapakah kereta api Siantan bertolak pada 20 Jun 2004? (2004)

- A** 2.30 p.m.
- B** 4.30 p.m.
- C** 6.30 p.m.
- D** 7.30 p.m.

27. Rajah 2 menunjukkan waktu dalam system 24 jam.

(2005)




Rajah2

Tukarkan waktu itu dalam sistem 12 jam.

- A 11.04 p.m.
- B 11.04 a.m.
- C 3.04 p.m.
- D 3.04 a.m.

28. Rajah 3 menunjukkan waktu Johana makan malam.



Rajah 3

Selepas 35 minit, Johana mula membuat latihan Matematik. Pukul berapakah dia mula membuat latihan itu?

(2005)

- A 0715
- B 0825
- C 1915
- D 2025

29. Jadual 2 menunjukkan aktiviti Ayob selepas sekolah.


Masa	Aktiviti
1400 - 1415	Makan tengah hari
1415 - 1545	Kelas tambahan
1545 - 1645	Berehat
1645 - 1830	Main bola sepak

Jadual 2

Berapakah jumlah masa yang digunakan oleh Ayob untuk aktiviti kelas tambahan dan bermain bola sepak? (2005)

- A 4 jam 15 minit
- B 3 jam 15 minit
- C 1 jam 45 minit
- D 1 jam 30 minit

30. Rajah 4 menunjukkan waktu pada suatu pagi.



Rajah 4

Pukul berapakah 25 minit sebelum waktu yang ditunjukkan? (2006)

- A 9.50 a.m.
- B 9.55 a.m.
- C 10.15 a.m.
- D 10.40 a.m.

31. Jadual 3 menunjukkan umur bagi tiga orang kanak-kanak. Umur Siti tidak ditunjukkan.

Nama	Umur
Swee Lan	8 tahun 3 bulan
Sakina	$6\frac{3}{4}$ tahun
Siti	
Selvi	4 bulan lebih muda daripada Sakina

Jadual 3


Diberi bahawa purata umur bagi 4 orang kanak-kanak itu ialah 6 tahun 8 bulan.

Berapakah umur Siti?

(2006)

- A 5 tahun 1 bulan
- B 5 tahun 3 bulan
- C 5 tahun 7 bulan
- D 5 tahun 9 bulan

32. Rajah 5 menunjukkan perjalanan Ali mendaki gunung.



Rajah 5

Dia bertolak dari W pada 27 Mei 2006 jam 0800 melalui X ke Y.

Bilakah dia sampai di Y?

(2006)


- A 30 Mei 2006
- B 31 Mei 2006
- C 02 Jun 2006
- D 04 Jun 2006

33. $4\frac{2}{3}$ jam – 2 jam 55 minit =

(2007)

- A 1 jam 45 minit
- B 1 jam 55 minit
- C 2 jam 15 minit
- D 2 jam 45 minit

34. Rajah 6 menunjukkan masa perjalanan dari J ke N.



Rajah 6

Dia mula dari J pada pukul 9.00 a.m. Pukul berapakah dia sampai di N ?

(2007)

- A Jam 0245
- B Jam 1145
- C Jam 1445
- D Jam 2345

35. Rajah 7 menunjukkan waktu Rani mula bekerja setiap pagi.



Rajah 7

Dia tamat bekerja pada pukul 4.30 p.m. Berapakah tempoh masa dia bekerja dalam sehari?

(2007)


- A $3\frac{3}{4}$ jam
- B $4\frac{3}{4}$ jam
- C $8\frac{1}{4}$ jam
- D $12\frac{3}{4}$ jam

36. $2\frac{1}{4}$ hari =

(2008)

- A 48 jam
- B 54 jam
- C 60 jam
- D 63 jam

37. Rajah 8 menunjukkan waktu pada sebuah jam.




Rajah 8

3 jam 50 minit sebelum waktu yang ditunjukkan ialah (2008)

- A 12.45 p.m.
- B 1.25 p.m.
- C 1.45 p.m.
- D 8.25 p.m.

38. Rajah 9 menunjukkan waktu Ranjit bertolak dari rumahnya ke Zoo Negara pada suatu pagi.



Rajah 9

Ranjit mengambil masa 1 jam 50 minit untuk sampai ke Zoo Negara. Dia berada di sana selama $4\frac{1}{2}$ jam. Bilakah dia bertolak balik dari Zoo Negara? (2008)

- A Jam 1500
- B Jam 1610
- C Jam 1650
- D Jam 1820

39. $3\frac{1}{4}$ jam – 56 minit = (2009)

- A 2 jam 9 minit
- B 2 jam 19 minit
- C 2 jam 29 minit
- D 2 jam 59 minit

40. Rajah 10 menunjukkan tarikh lahir Amin.



Rajah 10

Tarikh Lahir Ravi ialah seminggu selepas tarikh lahir Amin. Apakah tarikh lahir Ravi?

(2009)

- A 2 Mei 2004
- B 4 Mei 2004
- C 5 Mei 2004
- D 7 Mei 2004

41. Rajah 10 menunjukkan waktu Encik Zainal tiba di Kota Bharu pada suatu pagi.



Rajah 10

Masa perjalanan yang diambil oleh Encik Zainal dari Kuala Terengganu ke Kota Bharu ialah $2\frac{1}{4}$ jam. Pukul berapakah dia bertolak dari Kuala Terengganu? (2009)


- A 7.00 a.m.
- B 7.50 a.m.
- C 8.30 a.m.
- D 8.50 a.m.

42. Rajah 3 menunjukkan masa pada suatu pagi.



Rajah 3

Muka jam yang manakah menunjukkan waktu suku jam selepas waktu yang ditunjukkan dalam Rajah 3? (2010)




43. $3\frac{3}{4}$ jam + 2 jam 58 minit =

(2010)

- A 6 jam 3 minit
- B 6 jam 13 minit
- C 6 jam 33 minit
- D 6 jam 43 minit

44. Rajah 7 menunjukkan waktu Ali memulakan perjalanan dari Kuala Lumpur ke Butterworth, pada suatu pagi.



Rajah 7

Keseluruhan perjalanan itu biasanya mengambil masa 4 jam 35 minit. Walau bagaimanapun, Ali telah berhenti rehat selama 15 minit semasa dalam perjalanan itu. Pada pukul berapakah Ali tiba di Butterworth? (2010)

- A 2.00 a.m.
- B 2.00 p.m.
- C 1.30 a.m.
- D 1.30 p.m.